



BULETIN SUK PERAK

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Perak

Bil. 3/2020

07

Perak Terima Pelaburan
Lebih RM 1 Bilion wujud
700 Peluang Pekerjaan



Penjawat Awam di Negeri
Perak Diminta Mengisi
Banci 2020 melalui
e-Census

08

13

Lawatan Kerja Ketua
Pengarah Perkhidmatan
Awam ke Pejabat SUK
Perak



48 Pertubuhan, 1,038 Keluarga
Terima Kurniaan Yayasan
Sultan Azlan Shah

15



MALAYSIA PRIHATIN

Sambutan **Hari**
Kebangsaan 2020
Negeri Perak Darul Ridzuan

Sidang Redaksi

PENAUNG

YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

KETUA PENYUNTING

Zuriati Zainal

PENYELARAS

Roslan Jamaluddin
Dalila Mastor

PENOLONG PENYELARAS

Safuan Rozali
Nik Muhammad Firdaus

FOTOGRAFI

Lopman Bahari
Faez Zulkarnain

PEREKA GRAFIK

Azmi Asmayatim

BAHAGIAN KORPORAT

PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK

Sekitar Kunjung Hormat




PERAK

Anda ingin membuat
ADUAN
Layari aduan.perak.gov.my



Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi :

Bahagian Korporat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Ara 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak

Tel : 05-209 5000

Fax : 05-255 5026

E-mel : aduan@perak.gov.my



Laman Rasmi Facebook
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Sila like page :-
"Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak"
Pelbagai informasi boleh diperolehi!!!



Sila like dan follow Instagram
Pejabat SUK Perak :-

"sukperak"

Sambutan Hari Kebangsaan 2020

Negeri Perak Darul Ridzuan



IPOH, 15 SEPTEMBER 2020 - DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan kurnia sumbangan sebagai penghargaan kepada jasa dan bakti wira negara yang menetap di negeri Perak.

Seramai 12 orang penerima dikurniakan sumbangan terdiri daripada 5 pesara Angkatan Tentera Malaysia; 5 pesara Polis Diraja Malaysia dan dua pesara dari Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Baginda berkenan mencemar duli berangkat ke Majlis Jamuan Teh dan Penyampaian Hadiah Sempena Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perak Tahun 2020 di Casuarina@Meru, Ipoh.

Berangkat sama, DYMM Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim; DYT Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; DYT Raja Puan Besar, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah; DYAM Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah dan DYT Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim.

Dalam majlis yang sama, DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut berkenan mengurniakan plak penghargaan sebagai Anugerah Pengiktirafan Khas kepada petugas barisan hadapan Covid-19 yang terdiri daripada Jabatan Kesihatan Negeri Perak; Polis Diraja Malaysia Negeri Perak; Angkatan Tentera Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak; Angkatan Pertahanan Awam Negeri Perak dan RELA Negeri Perak.

Selain itu, majlis diteruskan lagi dengan penyampaian hadiah sempena Hari Kebangsaan 2020 melibatkan Pertandingan Sayembara Puisi Hari Kebangsaan Negeri Perak dan Pertandingan Video Pendek Hari Kebangsaan Negeri Perak 2020.

Baginda turut berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan Negeri Perak membabitkan enam kategori iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kampung dan Taman Perumahan, Bangunan Kerajaan dan Swasta, Individu, Pintu Gerbang dan Sekolah. Kesemua pemenang diberikan hadiah berupa wang tunai dan plak penghargaan.





PENEROKA HENDAKLAH BERGANDING BAHU

Meneroka dan Usaha Khazanah Felda Yang Berpotensi

TAPAH, 7 Julai 2020 - YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengajak semua peneroka supaya bersama-sama berganding bahu meneroka dan mengusahakan khazanah tanah rancangan Felda yang mempunyai pelbagai potensi.

Beliau berkata, Felda yang memiliki tanah pertanian yang luas, berpotensi besar untuk menjadi peneraju utama sektor pertanian pintar dan pengeluaran makanan di negara ini.

"Saya percaya jika potensi ini dapat dibangunkan sepenuhnya, Felda akan menjadi antara pengeluar makanan utama negara dan mewujudkan jaminan bekalan makanan yang stabil di samping menjadi pengeluar komoditi utama negara.

"Saya juga ingin melihat Felda bangkit sebagai pemangkin dan peneraju industri makanan berskala besar dengan menggerakkan aktiviti perladangan berteraskan pertanian pintar dan aktiviti hiliran yang inovatif," katanya ketika berucap merasmikan sambutan Hari Peneroka Felda 2020 Peringkat Kebangsaan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Felda, Kampung Tun Abdul Razak di Sungkai, di sini hari ini.

Dalam masa yang sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu mengumumkan peruntukan sejumlah RM500,000 telah diluluskan kepada Felda Zon Trolak, Sungkai bagi menjalankan kerja-kerja pencegahan pembasmian ulat pemakan daun sawit yang dihadapi tanah rancangan itu.


"Pada tahun lepas, sebanyak RM300,000 juga telah diperuntukkan kepada Felda Gugusan Besout, di sini, bagi tujuan yang sama dan pada tahun ini RM500,000 untuk Felda Zon Trolak," kata beliau dalam ucapannya.

Selain itu, YAB Menteri Besar Perak berkata Kerajaan Negeri telah menyelesaikan pemberian hak milik tanah kepada 5,776 daripada 5,917 peneroka Felda di seluruh negeri ini manakala baki 141 lagi peneroka dijangka diselesaikan tahun ini.

"Tiga bulan selepas menjawat jawatan Menteri Besar, saya turun ke Felda Nenering di Gerik untuk sampaikan geran hak milik tanah kepada 140 peneroka. Pada Disember 2018, saya telah turun ke Felda Wilayah Trolak, iaitu di Felda Sungai Behrang untuk sampaikan sendiri hak milik tanah kepada baki peneroka yang masih menunggu geran masing-masing," katanya.

Dalam masa yang sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal turut menyatakan negeri Perak amat bertuah setelah dipilih sebagai negeri pertama menerima kunjungan sulung YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin selepas dilantik sebagai Perdana Menteri kelapan pada 29 Februari lepas.





“CASUARINA SINI DRIVE”

Panggung Pandu Masuk Pertama di Malaysia

IPOH, 17 JULAI 2020 - Perak merupakan negeri pertama melancarkan panggung pandu masuk di Malaysia, dikenali sebagai “Casuarina Sini Drive” di Meru, Ipoh.

Menurut YAB Menteri Besar Perak, Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Dato’ Azumu, Casuarina Sini Drive yang terletak di Meru Raya, Ipoh ini merupakan inisiatif Perak Corp Berhad dan ianya dapat memuatkan kapasiti 70 kenderaan dalam satu-satu masa.

“Pengenalan pawagam ini dijangka memberi impak positif kepada sektor pelancongan di Perak yang terkesan teruk ekoran pandemik COVID-19 dan diharapkan dapat menghidupkan lagi aktiviti pelancong yang datang ke Ipoh,” katanya pada sidang media sempena majlis pelancaran Casuarina Sini-Drive, malam ini.

Hadir sama, YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Perak, Dato’ Nolee Ashlin Mohammed Radzi dan Ketua Pegawai Eksekutif PCB Encik Zainal Iskandar Ismail.

Orang ramai yang berminat boleh membuat tempahan tiket tayangan filem dengan set makanan serta minuman dengan bayaran antara RM36 hingga RM42 bagi satu kenderaan melalui laman web www.sini-drive.com.my.

Panggung Casuarina Sini Drive ini menayangkan filem pelbagai genre mulai jam 8 malam hingga 11 malam setiap hari kecuali hari Isnin yang ditayangkan di skrin berukuran 6X18 meter.

Selain itu, penonton akan diberi satu frekuensi radio untuk menikmati audio tayangan filem berkenaan secara terus melalui radio kenderaan masing-masing. Penonton juga boleh menempah makanan dengan hanya menyalakan lampu kecemasan kenderaan untuk memanggil petugas panggung.





Sambutan Bulan Kebangsaan Negeri Perak

Disambut Secara Fizikal & Maya

- YAB Menteri Besar Perak



IPOH, 28 JULAI 2020 - Sambutan Bulan Kebangsaan di negeri Perak pada tahun ini membawa kelainan dari tahun-tahun sebelum ini apabila disambut secara hybrid yang menggabungkan dua kaedah iaitu secara fizikal dan digital.

Menurut YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, penganjuran program pada tahun ini mengguna pendekatan penyertaan dari rumah dan beliau berharap rakyat Perak dapat menyertai program yang dilaksanakan sekali gus menjadi sebahagian daripada keseluruhan Sambutan Bulan Kebangsaan pada tahun ini.

"Program-program ini perlu dilaksanakan bagi mengekalkan momentum suasana sambutan dan mengekalkan tradisi sebagai tanda syukur kepada perjuangan lampau.

"Tidak kira di pihak individu, organisasi atau jabatan, kita perlu memainkan peranan masing-masing dalam menghangatkan lagi suasana sambutan Hari Kebangsaan,"katanya.

Beliau berkata sedemikian semasa menyempurnakan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Perak Tahun 2020 yang dianjurkan bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Jabatan Penerangan Negeri Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Tuan Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan; YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Penerangan, serta barisan EXCO Kerajaan Negeri.



Sempena Bulan Kebangsaan pada tahun ini, lima program utama akan dilaksanakan mengikut SOP PKPP iaitu Momen Merdeka yang menggalakkan rakyat mengibarkan Jalur Gemilang di kediaman masing-masing dan kemudian memuat naik gambar ekspresi merdeka ke platform media sosial.

Program Merdeka Community Bonding juga diperkenalkan dengan merakam aktiviti komuniti setempat menghiasi Jalur Gemilang di kediaman terpilih dan merakam nyanyian lagu patriotik secara beramai-ramai.

Pertandingan Warna Warni Merdeka pula diperkenalkan dengan menggalakkan masyarakat melaksanakan program-program keceriaan bertemakan kemerdekaan dan mengadakan pertandingan-pertandingan secara digital

Selain itu juga, program Bicara Kemerdekaan dan Doa Untuk Malaysia turut diadakan begitu juga Merdeka Talk yang akan membicarakan topik-topik kemerdekaan dari perspektif media serta tokoh-tokoh terkemuka anak kelahiran Perak.

Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang ke setiap daerah di negeri ini akan turut diadakan bermula 28 Julai hingga 30 Ogos 2020.



Perak Terima Pelaburan lebih **RM 1 Bilion** Wujud 700 Peluang Pekerjaan

IPOH, 24 Julai 2020 - Negeri Perak menerima suntikan pelaburan berjumlah lebih RM1 bilion dengan usaha sama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor (NCIA) bersama tujuh syarikat swasta yang beroperasi di negeri ini.

Menurut YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu berkata kerjasama itu bakal mewujudkan lebih 700 peluang pekerjaan sekali gus dapat meningkatkan pendapatan rakyat di negeri ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri mengambil langkah proaktif ini bagi merencanakan ekonomi negeri melalui pembangunan strategik, rangsangan pelaburan dan program memperkasakan rakyat bagi menangani impak pandemik Covid-19.

"Kerajaan negeri sentiasa bekerjasama erat dengan kerajaan persekutuan khususnya melalui NCIA dalam menggerakkan pelbagai inisiatif untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan memulihkan ekonomi yang terjejas akibat penularan pandemik Covid-19.

Selaku pihak pembangunan wilayah yang menangani impak pandemik Covid-19 terhadap ekonomi, NCIA telah membentangkan pendekatan strategi serampang tiga mata yang menyarankan tumpuan diberikan kepada pembangunan infrastruktur strategik dan mempercepatkan pertumbuhan pelaburan swasta serta memperkasakan rakyat," katanya.

YAB Dato' Seri Ahmad Faizal berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian Komitmen Pelaburan Negeri Perak yang diadakan sejurus selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri NCIA-Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan, hari ini.

Turut hadir, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim dan Ketua Pegawai Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issace John.

Dalam pada itu, Ahmad Faizal berkata tujuh syarikat yang melabur di Perak mempunyai perancangan masa panjang dan melihat potensi di negeri ini bagi membantu mereka meluaskan perniagaan.

"Semua syarikat di seluruh negara terkesan dari segi pendapatan akibat pandemik Covid-19 tetapi setiap syarikat yang melabur hari ini tentunya mengambil kira semua ini sebelum membuat keputusan untuk menandatangani dokumen komitmen untuk membuat pelaburan di Perak," katanya.

Tujuh syarikat yang terlibat adalah Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd; PHN Industry Sdn Bhd; Manjung Naluri Sdn Bhd; Mata Aerotech Sdn Bhd; Unisem Advanced Technologies Sdn Bhd; ExcelVite Sdn Bhd dan Gading Kencana Sdn Bhd.



Penjawat Awam di Negeri Perak Diminta Mengisi **BANCI 2020** melalui **e-Census**



IPOH, 13 JULAI 2020 - Semua penjawat awam di negeri Perak diminta mengisi maklumat Banci Penduduk dan Perumahan Tahun 2020 (BANCI 2020) melalui kaedah e-Census yang telah dibuka mulai 7 Julai 2020 sehingga 30 September 2020.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim berkata, sejumlah 13,313 orang penjawat awam di agensi Kerajaan Negeri yang telah diisi sehingga hari ini.

Menurut beliau lagi, penjawat awam di bawah Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada anggota keselamatan seperti polis dan tentera, anggota kesihatan serta warga pendidik merupakan antara penjawat awam paling ramai di negeri ini.

"Justeru, sekiranya penjawat awam ini bersama-sama dengan penjawat awam negeri mengisi e-Census, maka peratus pengisian melalui kaedah tersebut dapat dimaksimakan dalam banci fasa pertama ini," ujar beliau dalam satu kenyataan yang dikeluarkan selepas Sesi Pembentangan Banci 2020 di Negeri Perak oleh Jabatan Perangkaan Negeri Perak.

Hadir sama, YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Tuan Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan; YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Puan Nor Sham binti Rahman dan YBrs. Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Perak, Puan Rafiza binti Ramli.

Dalam masa yang sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim berkata, dapatan banci yang komprehensif merangkumi keperluan input pemantauan Agenda Pembangunan Mapan 2030.

"Antaranya berkaitan pembasmian kemiskinan, kesamarataan dan kelestarian alam sekitar yang menjadi sumber utama dalam penyediaan rancangan pembangunan negeri khususnya meliputi sosioekonomi dan pelbagai bidang utama lain untuk menjadi negeri Perak yang lebih berdaya saing," tambahnya.

Menurut YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, dianggarkan sebanyak 778 ribu tempat kediaman akan diliputi semasa Banci 2020 di negeri Perak yang melibatkan hampir 2.6 juta penduduk.



“

Bagi mendapatkan sebarang maklumat lanjut mengenai pelaksanaan Banci 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia turut menyediakan talian hotline Banci 1-800-88-7720 iaitu talian utama bagi seluruh rakyat Malaysia manakala talian hotline Banci bagi penduduk negeri Perak ialah 1-800-88-5032.

Warga negeri Perak juga boleh melayari portal banci iaitu www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020.

”



IPOH, 23 JULAI 2020 - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah menerima kunjungan daripada delegasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis yang diketuai oleh YB Tuan Azman bin Mohd Yusof, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

Lawatan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak merupakan satu platform perkongsian antara kedua-dua buah negeri khususnya berkaitan pembangunan ICT dan digital.

Sesi perkongsian yang telah dipengerusikan oleh YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, turut dihadiri oleh barisan ketua-ketua jabatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak serta Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak Corporation holdings, Tuan Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr Haji Meor Redwan.

Terdahulu, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis bersama barisan delegasi sempat melawat beberapa kawasan pelancongan yang menjadi tarikan di negeri ini seperti Gua Tempurung dan Concubine Lane.

Kunjungan **SUK PERLIS** KE NEGERI PERAK





61 Kakitangan SUK Perak

TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
TAHUN 2019

IPOH, 14 OGOS 2020 - 61 Pegawai dan kakitangan di bawah Panel Pembangunan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak diraikan sempena Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019 yang berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang pada tahun ini berbeza dengan anjuran tahun-tahun sebelumnya kerana ia diadakan secara tertutup dan terhad kepada pegawai dan kakitangan di bawah Panel Pembangunan Sumber Manusia Pejabat SUK Perak sahaja susulan pematuan SOP PKPP bagi membendung penularan Covid-19.

Dalam ucapannya juga, beliau berharap semangat yang ada dalam diri penerima dapat dikekalkan dan menjadikan nilai tanggungjawab sebagai pemangkin kepada pemantapan dalam penyampaian perkhidmatan jabatan.

"Semua penjawat awam terutamanya di negeri Perak haruslah mengekalkan momentum hasil kerja walau apa jua dugaan dan cabaran yang mendatang.



"Seperti yang dinyatakan oleh YAB Dato' Seri Menteri Besar, supaya setiap penjawat awam perlu mengamalkan dan menanamkan dalam diri prinsip "Take Pride dan take Ownership". Ini bukan bermakna kita bangga diri dengan jawatan kita, tetapi kita bangga dengan amanah yang kita pikul," katanya.

Hadir sama, YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Tuan Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan.

Majlis yang sama turut meraikan lima orang pegawai yang bertukar keluar dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.





Kejohanan Menembak *Piala Pegawai Daerah Kinta* Tahun 2020

IPOH, 6 SEPTEMBER 2020 - Pegawai Daerah (DO) dan Yang Dipertua (YDP) Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Perak telah menyertai Kejohanan Menembak Piala Pegawai Daerah Kinta Tahun 2020 yang diadakan di Lapang Sasar, Padang Tembak, Ipoh. Kejohanan anjuran Kelab PETANDA Ipoh dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) ini turut disertai beberapa jemputan khas yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan, Orang Besar Jajahan dan wakil pegawai dari Pejabat YAB Menteri Besar Perak.

Terbahagi kepada dua kategori utama, iaitu kategori individu dan kategori berkumpulan, kejohanan ini telah disempurnakan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suidi bin Abdul Rahim.

Hadir sama, YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Tuan Azmir Shah bin Zainal Abidin dan YB Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan.

Johan bagi kategori berkumpulan untuk kejohanan kali ini adalah Kumpulan *Walther*, tempat kedua adalah Kumpulan *Sig Sayer* dan tempat ketiga dirangkul oleh Kumpulan *Steyr*.

Manakala johan bagi kategori individu (jemputan khas) telah dirangkul oleh Puan Halizah binti Sipun, tempat kedua adalah Tuan Kamarul Idzham bin Kamal, Pengarah RELA Negeri Perak dan YB Tuan Azmir Shah mendapat tempat ketiga.

Selain itu, Tuan Haji Meor Hezbullah bin Meor Abd Malik, DO Kinta telah menjuarai kategori individu (DO&YDP); Encik Abdul Halim bin Saad, YDP Majlis Daerah Kampar di tempat kedua dan Encik Zulhisham bin Ahmad Shukori, DO Manjung di tempat ketiga kategori yang sama.

Dalam kejohanan yang diadakan julung kali ini, Puan Halizah binti Sipun telah menjadi johan keseluruhan dengan memperoleh mata tertinggi dan membawa pulang piala pusingan Kejohanan Menembak Piala Pegawai Daerah Kinta Tahun 2020.




RETREAT YB SUK BERSAMA PENGHULU-PENGHULU NEGERI PERAK

7 SEPTEMBER 2020 - Seramai 88 orang Penghulu dari seluruh negeri Perak telah menghadiri Retreat YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim bersama penghulu-penghulu negeri ini yang berlangsung di Casuarina@Meru.

Retreat ini diadakan bertujuan untuk merancang secara komprehensif penambahbaikan tugas dan sasaran kerja supaya lebih efektif untuk diseragamkan di seluruh pentadbiran Penghulu Negeri Perak Darul Ridzuan.

Dalam masa yang sama, turut diadakan satu forum khas berkenaan Peranan Penghulu dalam memartabatkan Institusi Diraja yang telah disampaikan oleh dua panel jemputan iaitu YDH Toh Amar Seri DiRaja Dato' Seri Ayop bin Hashim, Orang Besar Enam Belas dan Tuan Haji Abdullah bin Yusof, Pengerusi Kesatuan Pengulu Penggawa Semenanjung Malaysia Cawangan Negeri Perak.

Hadir sama dalam majlis penutup adalah YB Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan.



Wakil kumpulan membentangkan hasil perbincangan berkumpulan



Sekitar sesi perbincangan berkumpulan semasa Retreat Penghulu Negeri Perak



Panel jemputan bersama moderator semasa program retreat berlangsung





Lawatan Kerja Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam **Ke Pejabat SUK Perak**

POH, 11 SEPTEMBER 2020 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman telah mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, sebentar tadi.

Ketibaan beliau telah disambut oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim.

Hadir sama menyambut ketibaan, YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Tuan Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan; Datuk Bandar Ipoh, YBhg. Dato' Rumaizi bin Baharin dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak, Dato' Mohd Fariz bin Mohd Hanip.



KURSUS PROTOKOL DAN ADAT ISTIADAT DIRAJA PERAK

10 September 2020 (Khamis)

00 Pagi – 5.00 Petang

Impiana Hotel Ipoh

Perak
Kerajaan Negeri Perak

Kursus Protokol Dan Adat Istiadat DiRaja Perak

IPOH, 10 SEPTEMBER 2020 - Seramai 61 orang pegawai Pengurusan dan Profesional telah menghadiri Kursus Protokol dan Adat Istiadat DiRaja Perak yang berlangsung di Hotel Impiana, Ipoh.

Kursus anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pegawai mengenai Protokol dan Adat Istiadat DiRaja Perak kepada semua pegawai di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Terbahagi kepada 3 sesi, YDH Toh Jana Pahlawan SAC Abu Bakar bin Romlee, Ketua Protokol dan Istiadat Negeri Perak sebagai penceramah jemputan telah menerangkan perkara-perkara berkenaan adat istiadat, Sistem Orang Besar Perak, Raja Bergelar, Orang Besar Jajahan, Dewan Negara serta protokol dan etika.

Selain itu, beliau turut menerangkan berkenaan cara mengangkat sembah, pakaian istiadat, pengendalian majlis, susunan keutamaan negeri, bahasa istana dan bahasa surat.

Hadir sama menyertai kursus adalah Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri, Puan Nor Sham binti Rahman dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Puan Halizah binti Sipun.

Sesi pendaftaran para peserta sebelum taklimat berlangsung

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)





YAYASAN SULTAN AZLAN SHAH
SULTAN AZLAN SHAH FOUNDATION

48 Pertubuhan, 1,038 Keluarga

Terima Kurniaan Yayasan Sultan Azlan Shah

KUALA KANGSAR, 25 JULAI 2020 - Yang Teramat Mulia Raja Kecil Sulong Perak Darul Ridzuan, Raja Dato' Seri Ahmad Nazim Azlan Shah berkenan menyampaikan kurniaan Yayasan Sultan Azlan Shah kepada 48 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan 1,038 keluarga yang kurang berkemampuan di negeri Perak.

Sumbangan kepada NGO diharapkan dapat dinikmati secara terus oleh anak-anak yatim, warga emas, orang kelainan upaya dan golongan yang kurang berkemampuan, menerusi program anjuran badan berkenaan sama ada dalam bentuk pendidikan atau latihan kemahiran, majlis keraian atau pun dalam bentuk bantuan kewangan atau barangan keperluan bagi mereka yang memerlukan.

Selain itu, sumbangan dalam bentuk barangan asas untuk 1,038 keluarga yang telah dikenal pasti akan disalurkan menerusi Orang Besar Jajahan di 8 daerah yang terlibat iaitu, Daerah Kuala Kangsar, Daerah Hilir Perak, Daerah Kinta, Daerah Kampar, Daerah Muallim, Daerah Bagan Datuk, Daerah Batang Padang dan Daerah Hulu Perak.

Sumbangan ini diharapkan dapat membantu mengurangkan bebanan kewangan rakyat yang terjejas susulan penularan wabak Covid-19 yang melanda dunia khususnya di negeri Perak ketika ini.



Bukit Kledang

NIKMATI SUASANA HIJAU BANDAR IPOH

Terletak kira-kira 7 kilometer dari Bandar Ipoh, Bukit Kledang merupakan bukit yang kaya dengan kehijauan serta panorama yang cantik. Bukit Kledang yang terletak di Menglembu berketinggian 800 meter (2,640 kaki) menjadi destinasi menarik sukan lasak bagi pendaki dan berbasikal.

Apa yang lebih menarik lagi, para pengunjung boleh menghayati keindahan Bandaraya Ipoh dari atas puncak bukit tersebut. Pengunjung boleh memilih laluan ke puncak sama ada melalui jalan raya atau *off road*.

Perjalanan ke puncak dikatakan mengambil masa kira-kira 4 jam boleh dikatakan amat berbaloi kerana kekayaan sumber hijau serta panorama yang terdapat di sana mampu menenangkan diri anda selepas seharian penat bekerja.

Selain itu, terdapat juga wakaf atau pondok untuk orang ramai melepaskan lelah atau berehat selepas penat mendaki. Kemudahan senaman serta tempat untuk melakukan senaman refleksologi secara tradisional turut disediakan.

Para pengunjung juga berpeluang untuk menikmati keindahan air terjun serta taman bunga sebelum menemui menara pemancar stesen televisyen apabila sudah berjaya menakluki puncak Bukit Kledang.

